

IKLAN BANTUAN ZAKAT KEPADA PELAJAR UKM BAGI SEMESTER 1 2011/2012

Syarat-syarat permohonan:-

- i. Pemohon mestilah beragama **ISLAM**
- ii. Pemohon adalah Pelajar **UKM SEPENUH MASA** dan **BERDAFTAR** pada semester berkenaan
- iii. Pemohon hanya dibenarkan memohon **SEKALI** pada setiap **SEMESTER**

Dokumen sokongan (semua dokumen salinan perlu disahkan) yang perlu disertakan:-

- i. Salinan Kad Pengenalan
- ii. Salinan Kad Matrik Pelajar
- iii. Salinan Surat Pengesahan Pendapatan (Ibu dan Bapa atau Penjaga) **YANG TERKINI**
 - a) Penyata/ Slip Gaji **TERKINI** (Ibu dan Bapa atau Penjaga) bagi yang bekerja dan memperolehi penyata/slip/baucar gaji **ATAU**
 - b) Penyata Pencen **TERKINI** (Ibu dan Bapa atau Penjaga) bagi yang telah bersara dari perkhidmatan awam (**Penyata pencen terkini boleh didapati di laman <http://apps.jpapencen.gov.my/index.php>**) **ATAU**
 - c) Surat Pengesahan Pendapatan **TERKINI** (Ibu dan Bapa atau Penjaga) bagi yang bekerja sendiri / tidak bekerja – (**disahkan oleh Penghulu/Ketua Kampung/Nazir Masjid/ Ketua Mukim di mana ibubapa/ penjaga pemohon tinggal sahaja**)
- iv. Salinan Keputusan Peperiksaan **TERKINI**
- v. Salinan kad memeluk Islam (**bagi saudara baru – kurang dari tempoh 5 tahun**)
- vi. Salinan laporan perubatan dari Doktor yang lengkap (**jika memohon bantuan perubatan**)
- vii. Salinan laporan Polis (**jika memohon bantuan musibah**)
- viii. Salinan Sijil Kematian (**bagi mengesahkan kematian ibu/bapa/penjaga pemohon**)
- ix. Salinan Sijil Cerai (**bagi ibubapa/ penjaga pemohon yang bercerai**)

Nota Penting:-

- i. *Kesemua dokumen salinan hendaklah disahkan terlebih dahulu*
- ii. *Permohonan dibuka dari 12 September 2011 sehingga 23 Disember 2011*
- iii. *Semua permohonan perlu melalui sesi temubual dengan pegawai Unit Zakat UKM bagi melancarkan proses permohonan.*
- iv. *Borang permohonan yang tidak lengkap tidak akan diproses.*
- v. *Sila pastikan permohonan dibuat di atas dasar benar-benar memerlukan sahaja.*

Cara Memohon:-

- i. Anda sebagai pemohon perlu pergi ke alamat <http://www.ukm.my/bendahari/zakat.php>
- ii. Anda perlu mendapatkan nombor id terlebih dahulu bagi pengisian borang permohonan zakat pelajar (*Menu A*). **SILA INGAT NO. ID ANDA.**

- iii. Menggunakan no. id tersebut, anda perlu mengisi borang permohonan zakat pelajar secara atas talian (on-line) (*Menu B*).
- iv. Anda perlu mengisi setiap maklumat yang berkaitan dan yang diperlukan di dalam borang tersebut dengan betul supaya proses penyerahan borang berjalan dengan lancar.
- v. Anda perlu mencetak setiap halaman borang yang telah diisi. (*Menu C*)
- vi. Anda perlu menandatangani borang yang telah dicetak tersebut pada ruangan yang disediakan.
- vii. Sila semak kembali maklumat pada borang permohonan dan dokumen sokongan yang perlu disertakan sebelum menghantar borang tersebut untuk pengesahan Pegawai Kumpulan A di UKM atau Pegawai Unit Zakat UKM.
- viii. Borang yang telah lengkap hendaklah di hantar ke Unit Zakat, One Stop Centre, Bangunan Pusanika, 43600 UKM Bangi, Selangor. (**Hanya pelajar dari Kampus Kuala Lumpur dan PPUKM sahaja yang dibenarkan membuat penghantaran borang melalui pos**)
- ix. Sila pastikan anda ditemubual oleh pegawai Unit Zakat UKM ketika menyerahkan borang permohonan bersama dokumen sokongan, oleh itu adalah lebih baik penyerahan dokumen tidak melalui wakil (**pengecualian hanya kepada pelajar di Kampus Kuala Lumpur dan PPUKM di mana temubual akan dilakukan melalui telefon**)
- x. Jika ada pembetulan maklumat, anda boleh mengemaskini borang anda dengan menggunakan id yang diperolehi pada *Menu A* dan sila maklumkan sebarang perubahan maklumat kepada pegawai Unit Zakat UKM.
- xi. Segala maklumat yang diberikan oleh anda adalah di bawah tanggungjawab anda.
- xii. Sebarang pertanyaan sila hubungi Talian Zakat 03 8921 3784